

Majlis Pengkisahan Sejarah Siri 5
Perahu Besar Dalam Sejarah Pembangunan Negeri Terengganu
26 Disember 1993

Pengerusi Majlis 1

Assalamualaikum w.b.t. Selamat datang ke Kompleks Muzium Laut Bukit Losong Kuala Terengganu. Pada hari ini 26 Disember 1993 bersamaan dengan 12 Rejab 1414 Hijrah. Akan berlangsunglah satu lagi program majlis pengkisahan sejarah kali ke-5. Program ini adalah satu projek Jawatankuasa Koleksi Terengganu dan Arkib Negara Malaysia. Dalam usahanya untuk mengumpulkan fakta dan maklumat negara. Pengkisahan ini meliputi berbagai aspek seperti politik, pentadbiran, pendidikan dan perundangan. Program ini bertemakan perahu besar dalam sejarah pembangunan negeri Terengganu. Perahu besar memanglah terkenal di Terengganu pada sedikit masa dahulu. Ia digunakan dengan tujuan utamanya untuk berdagang, perhubungan dan adakalanya bertujuan mengadakan utusan politik serta peperangan. Sejarah awal penggunaan perahu besar di Terengganu tidaklah dapat ditentukan tarikhnya dengan tepat. Bukti-bukti awal tentang wujudnya kegiatan tersebut adalah berdasarkan kepada penulisan mengenai sejarah Terengganu dan tulisan orang-orang barat tentang negeri ini. Adalah diperlukan penggunaan kapal layar atau perahu besar ini telah bermula semerjik pertengahan abad ke-18 lagi. Kapten Low, seorang pelawat Perancis yang melawat Terengganu pada bulan Julai 1769 Masihi mengatakan bahawa masyarakat disini pada ketika itu telah memiliki beberapa buah perahu besar yang menjalankan aktiviti pelayaran ke Kampuchia, Siam dan beberapa tempat lain untuk membawa pulang beras. Menurut nakhoda perahu besar, sesuatu pelayaran menuju ke Siam mengambil masa lebih kurang dua bulan untuk persiapan dan balik. Tetapi ia bergantung kepada bentuk fizikal perahu dan keadaan cuaca. Namun begitu, kebiasaan mereka dalam satu tahun mereka sempat membuat pelayaran sebanyak enam kali. Barang-barang dagangan yang biasa diimport dari Siam dan Indochina ialah seperti beras, garam, gula, pinggan mangkuk.

Ya, kelihatan dua buah perahu besar hasil seni perusahaan tangan orang-orang melayu di Terengganu yang begitu bernilai sekali yang mana telah dibeli oleh pihak Muzium Negeri Terengganu untuk diabadikan sebagai bahan warisan yang bersejarah. Ni lah dia perahu besar Sabar dan sebuah lagi perahu besar iaitu perahu Kemajuan. Jenis-jenis perahu besar yang biasa digunakan ialah perahu pinish gobell, pinish dogol, perahu dogol dan perahu beda. Ahli-ahli pelayaran pada masa dahulu hanya menggunakan alam semulajadi sebagai pedoman pelayaran untuk belayar ke sesuatu tempat. Pedoman semulajadi ini dipanggil petua melihat alam yang dipelajari secara tradisi melalui hafalan orang-orang berpengalaman seperti kedudukan bintang-bintang di langit, warna air laut, kedudukan bukit-bukau dan pergerakan awan, angin dan sebagainya. Walaupun penggunaan kompas telah diperkenalkan, tetapi pedoman pemerhatian alam masih digunakan untuk lebih memudahkan penetapan arah tuju perahu. Perkembangan perdagangan yang menggalakkan telah memberi peluang

kepada tukang-tukang perahu untuk membina lebih banyak perahu besar bagi memuatkan barang-barang dagangan ke seluruh Asia Tenggara.

Pada tahun 1940, dianggarkan terdapat kira-kira tiga ratus buah perahu besar dan bermula dari sinilah lahir nakhoda-nakhoda ternama seperti nakhoda Awang yang telah mampu memiliki lapan buah perahu besar yang bernilai kira-kira RM200 000 sebuah. Apabila perang dunia ke-2 meletus, di antara tahun 1942 hingga 1945, zaman kegemilangan perahu besar telah menurun dengan ketara sekali. Ini disebabkan banyak perahu besar yang termusnah akibat peperangan dan ada yang terbiar di pangkalan. Akibat peperangan, perahu besar hanya tinggal beberapa buah sahaja. Selepas peperangan, kegiatan perdagangan menjadi kurang aktif kerana kerajaan tidak lagi membenarkan mereka membawa masuk beras dari Siam dan penggunaan kuota kepada pengimportan garam pada tahun 1970. Selain daripada itu, perjalanan darat di utara yang menghubungkan semenanjung dengan Thailand telah dibina. Ini lebih memudahkan pengangkutan disamping menjimatkan masa dan keselamatan yang terjamin. Dengan ini, penggunaan perahu besar menjadi tidak efektif lagi.

Saat kegemilangan perahu besar ini telah melahirkan ramai nakhoda yang cekap dan berpengalaman. Pelayaran mereka ada yang sampai sehingga ke Indochina, Siam, Kepulauan Melayu dan Burma. Di antara tokoh-tokoh nakhoda yang terkenal dan masih ada sehingga kini ialah Ngah bin Muda, Abdul Rahman bin Yusof, Ngah bin Haji Omar, Wan Ahmad bin Wan Chik, Embong bin Abdullah, Abdul Aziz bin Awang dan lain-lain lagi. Majlis pengisahan sejarah ini telah menjemput beberapa orang nakhoda dan tukang bot yang terkenal iaitu nakhoda Tuan Haji Abdul Rahman bin Jusoh, nakhoda Ngah bin Haji Omar dan juga tukang bot seperti Haji Abdullah bin Muda dan Haji Ambak bin Tawang. Nakhoda Haji Abdul Rahman bin Jusoh merupakan seorang nakhoda yang terkenal di zaman keagungan dunia pelayaran dengan menggunakan perahu besar di Terengganu. Beliau dilahirkan pada tahun 1932 dan kini menetap di Kampung Pauh, Seberang Takir. Beliau mula terlibat dengan aktiviti pelayaran ketika berumur belasan tahun dan menjadi awak-awak kepada nakhoda Haji Awang bin Said, seorang nakhoda yang berjaya dan berpengaruh, yang mempunyai beberapa buah perahu yang besar. Didikan dan asuhan dari nakhoda Haji Awang dan pengalaman yang luas tentang pelayaran, Haji Abdul Rahman telah diberi kepercayaan pertama sebagai nakhoda oleh seorang saudagar cina yang bernama Teow Tiong Kit untuk belayar ke Baling, Siam pada tahun 1953 untuk mengangkut garam. Beliau juga pernah belayar ke Singapura dan Penang. Terutama ketika bersama dengan nakhoda Haji Awang untuk membawa balik motokar yang diimport melalui Singapura oleh British untuk kegunaan pembesar-pembesar negeri.

Nakhoda Ngah bin Haji Omar atau lebih dikenali dengan panggilan mesra Pak Ngah kini berusia 62 tahun dan masih aktif bertukang rumah selepas meninggalkan aktiviti pelayaran perahu besar lebih dua puluh tahun yang lalu. Beliau kini menetap di Kampung Bukit Tumbuh, Kuala Terengganu. Menurut

beliau, pengalaman belseyar dengan perahu besar bermula pada tahun 1940 ketika menjadi awak-awak kepada nakhoda Rahman. Kesempatan ini digunakan oleh beliau untuk belajar selok-belok ilmu pelayaran dan selepas sekian lama, beliau ditugaskan sebagai juru mudi. Pada tahun 1959, beliau mula belseyar sebagai nakhoda dan di antara tempat yang pernah dilaluinya sepanjang menjadi nakhoda selama lebih kurang dua puluh tahun ialah Pattani, Penang (Pulau Pinang) dan Baling. Sehinggalah berhenti belseyar pada tahun 1980 dan perahu besar yang biasa digunakan oleh Pak Ngah adalah dari jenis bedar.

Tukang bot, Encik Haji Abdullah bin Muda adalah tukang bot yang terkenal di Pulau Duyung Besar. Usianya kini menjangkau 56 tahun tetapi masih aktif bertukang terutamanya dalam pembinaan bot-bot moden. Menurut beliau, bertukang perahu telah menjadi darah dagingnya sejak kecil lagi dan sudah tiga puluh lima tahun berkecimpung dalam bidang ini. Bermula dari pengalamannya belajar membuat bot dengan MARA, RIDA dan kemudiannya ditukar kepada Limbungan Timur. Walaupun sejarah khususnya beliau tidak pernah membuat perahu besar, tetapi zaman kegemilangan perahu besar sempat dilaluinya dan pernah juga mendapat tunjuk ajar dari tukang perahu yang terkenal seperti Encik Ngah Pulau Ketam, Haji Da dan Encik Harun Tawang.

Seorang lagi tukang bot, Encik Haji Ambak bin Tawang juga merupakan tukang yang masih aktif terutamanya dalam membuat bot-bot nelayan. Beliau tinggal di Kampung Mengabang Telong, Batu Rakit dan kini berusia 66 tahun. Selain bertukang, beliau pernah menjadi awak-awak perahu besar jenis perahu dogol yang dinakhodai oleh Encik Ngah Losong dan pernah juga menjadi nakhoda perahu penambang jenis anak beda yang berulang alik dari Kuala Terengganu ke Setiu. Menurut beliau, pengalaman bertukang bermula sejak pada tahun 1940 lagi melalui tunjuk ajar yang diberikan oleh ayahnya. Beliau juga tidak pernah membina perahu besar tetapi berdasarkan pengalaman, beliau juga tahu sedikit sebanyak tentang selok-belok bertukang perahu besar ini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Rashid bin Ngah Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat Terengganu. Beliau difahamkan akan merasmikan majlis pengisian sejarah siri ke-5 ini. Hadir bersama di majlis ini ialah Yang Berbahagia Dato' Zakiah Hanum binti Haji Abdul Hamid Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. Majlis pengisian sejarah siri ke-5 ini akan dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Encik Mohd Yusof bin Abdullah, Pengarah Muzium Negeri Terengganu.

Pengerusi Majlis 2

Tuan-tuan, puan-puan serta saudara-saudari yang kami hormati sekalian. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniannya, dapat kita sama-sama menghadiri majlis pengisian sejarah siri ke-5 pada petang yang berbahagia ini. Terlebih dahulu, majlis ini mengucapkan selamat datang dan terima kasih khasnya kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Rashid bin Ngah Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Perpaduan dan

Pembangunan Masyarakat Negeri Terengganu merangkap Pengerusi Jawatankuasa Koleksi Terengganu yang mana telah dapat meluangkan masa dan seterusnya akan menyempurnakan perasmian majlis pengkisahan sejarah ke-5 pada petang yang penuh bermakna ini. Hadirin-hadirat yang kami muliakan, bagi mulakan serta memberkati majlis kita pada petang yang penuh bermakna ini, majlis dengan sukacitanya mempersilakan Yang Berbahagia Tuan Haji Mokhtar bin Ramli Pengarah Arkib Negara Malaysia cawangan Terengganu-Pahang untuk membaca doa. Dipersilakan dengan segala hormatnya.

-Bacaan doa

Pengerusi Majlis 2

Majlis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tuan Haji Mokhtar bin Ramli.

Tuan-tuan dan puan-puan yang kami hormati sekalian

Majlis pengkisahan sejarah siri ke-5 adalah anjuran Jawatankuasa Koleksi Terengganu Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia cawangan Terengganu-Pahang dan Lembaga Muzium Negeri Terengganu. Majlis diteruskan dengan segala hormatnya majlis mempersilakan Yang Berbahagia Puan Habibah binti Zul Penolong Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia mewakili Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia untuk menyampaikan ucapan. Dengan segala hormatnya majlis mempersilakan.

Puan Habibah binti Zul (Penolong Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia)

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah Exco kerajaan negeri Terengganu merangkap Pengerusi Jawatankuasa Koleksi Terengganu, Yang Berbahagia Encik Mohd Yusof bin Abdullah Pengarah Muzium Negeri Terengganu, Puan Fauziah Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Yang Berbahagia Tuan Haji Mokhtar bin Ramli Pengarah Arkib Negara Malaysia cawangan Terengganu-Pahang, ahli-ahli panel majlis pengkisahan sejarah, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Bersyukur kita kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat kita berkumpul bersama-sama dalam majlis pada petang ini. Bagi pihak Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah kerana sudi meluangkan masa untuk merasmikan majlis kita pada petang ini. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada Jawatankuasa Koleksi Negeri Terengganu yang sekali lagi telah turut bersama-sama dengan Arkib Negara mengadakan majlis pengkisahan sejarah. Adalah diharapkan majlis pengkisahan sejarah yang bertemakan perahu besar dalam sejarah pembangunan negeri Terengganu ini akan dapat mengumpulkan maklumat-

maklumat yang amat berharga kepada kajian dan penyelidikan generasi akan datang. Saya telah difahamkan jawatankuasa majlis pengkisahan sejarah kali ini telah berjaya mengumpulkan tokoh-tokoh pelayaran, nakhoda dan tukang-tukang kapal di Terengganu yang terlibat dengan kegiatan ini semenjak zaman sebelum perang dunia ke-2. Apa yang lebih menarik lagi, ada di antara tokoh-tokoh ini yang telah belayar hingga ke luar negeri. Melalui pengalaman mereka yang luas ini, adalah diharapkan ianya dapat memberikan ransangan kepada generasi muda untuk mencapai kemajuan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pengurus dan pengulas majlis pengkisahan, Encik Mohd Yusof bin Abdullah, Tuan Haji Abdul Rahman bin Jusoh, Encik Ngah bin Haji Omar, Tuan Haji Abdullah bin Muda dan Tuan Haji Ambak bin Tawang yang akan menjayakan majlis kita pada hari ini. Saya percaya dengan penyertaan ahli-ahli panel yang pernah mengalami dan mengambil bahagian dalam pembinaan dan pelayaran perahu besar di Terengganu, sudah pasti dapat menyumbangkan satu perbincangan yang amat berharga kepada majlis kita ini. Ianya juga sekaligus membantu usaha Arkib Negara dan kerajaan Negeri Terengganu untuk mengumpul selengkap mungkin fakta-fakta sejarah mengenai perahu besar dalam sejarah pembangunan negeri Terengganu. Sebagai institusi kerajaan yang diamanahkan untuk menyimpan maklumat-maklumat sejarah negara dan warisan negara, Arkib Negara dari semasa ke semasa akan terus bekerjasama dengan semua pihak bagi mendapat dan mengumpul maklumat-maklumat bagi tujuan penyelidikan. Sesungguhnya perubahan-perubahan dalam kurikulum pendidikan sejarah di sekolah-sekolah yang lebih menekankan kepada kerja-kerja amali dan pendidikan oleh para pelajar. Dan bertambah minat pendidikan di kalangan rakyat tempatan terhadap Arkib Negara, memberangsangkan Arkib Negara untuk terus mengumpulkan maklumat-maklumat sejarah yang bukan sahaja dari sumber-sumber rasmi melalui akta Arkib Negara, tetapi juga melalui sumber-sumber lain seperti mengumpulkan maklumat-maklumat sejarah lisan iaitu origistry, mengadakan siri-siri pengkisahan sejarah, mengumpulkan surat-surat persendirian dan lain-lain bahan yang berkaitan.

Berhubung dengan ini, saya ingin menarik perhatian para hadirin semua, sekiranya ada bahan-bahan yang bersejarah yang rasmi mengenai tanah air, terutamanya bagi negeri Terengganu seperti dokumen-dokumen, manuskrip-manuskrip, surat-surat dan seumpamanya yang bernilai sejarah agar sudi menghadiahkan atau menyerahkan kepada Arkib Negara sebagai koleksi negeri Terengganu untuk disimpan atau dibuat salinan. Ini adalah untuk memastikan segala dokumen-dokumen rasmi yang bersejarah ini dapat dipelihara dengan baik sebagai khazanah sejarah negara. Dalam bulan ini sahaja, Arkib Negara telah mengadakan dua pengkisahan sejarah iaitu pengkisahan sejarah Sekolah Al-Mathur di Pulau Pinang dan pengkisahan sejarah mengenai Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir Mohamad di zaman persekolahan beliau bersempena dengan ulang tahun pertama perasmian rumah lahir Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir Mohamad di Alor Setar, Kedah.

Pengisahan-pengisahan lain seperti mengenai Penjara Malaysia, Penubuhan Asean, Keretapi Tanah Melayu, Darurat, Pendudukan Jepun Force 136, Malayan Union, berkaitan dengan pendidikan sekolah-sekolah termasuk sekolah pondok, budaya, sukan, wanita, tokoh-tokoh di dalam politik dan sebagainya juga telah diadakan. Maklumat-maklumat yang dikumpul melalui pengisahan sejarah ini akan dapat menambahkan dan melengkapkan maklumat-maklumat yang ada di Arkib Negara. Akhir sekali, bagi pihak Ketua Pengarah Arkib Negara, saya sekali lagi mengucap setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah kerana sudi merasmikan majlis pada hari ini. Ucapan terima kasih juga saya sampaikan kepada ahli-ahli jawatankuasa, tokoh-tokoh dan pengurus majlis pengisahan sejarah, Muzium Negeri Terengganu, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, agensi-agensi kerajaan yang lain yang turut terlibat, guru-guru, pelajar-pelajar, tuan-tuan dan puan-puan dan semua pihak yang telah turut menjayakan majlis ini. Sekian, wabillahitaufik walhidayah. Wassalamualaikum w.b.t.

Pengerusi Majlis 2

Majlis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia kepada Puan Habibah binti Zul Penolong Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia.

Tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian

Sekarang ucapan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah Pengerusi Jawatan Kursus Pendidikan, Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat Terengganu dan seterusnya merasmikan majlis pengisahan sejarah siri ke-5 pada petang yang berbahagia ini. Majlis dengan segala hormat dan sukacitanya mempersilakan Yang Berhormat Dato'.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillahirabbilalamin wassolatu wassala muala asrafilambiya iwalmursalin waala alih wasohbihi ajmain. Saudara pengurus majlis, Yang Berbahagia Puan Habibah Zul Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Yang Berbahagia Tuan Haji Mokhtar Pengarah Arkib Negara Terengganu dan Pahang, Encik Mohd Yusof Pengarah Muzium Negeri Terengganu, Puan Fauziah Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, ahli-ahli lembaga Muzium Negeri Terengganu, sahabat-sahabat yang saya kasihi terdiri daripada Tuan Haji Abdul Rahman Jusoh, Encik Ngah Haji Omar, Tuan Haji Abdullah Muda, Tuan Haji Ambak bin Tawang, nakhoda Taib atau Pok Ngoh Yeh dan lain-lain, tuan-tuan dan puan-puan, saudara-saudari yang dihormati sekalian. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana hari ini di dalam musim begini kita dikurnia Allah cuaca yang sangat baik